

RONGGENG ROKIAH: PERCUBAAN FILEM NOIR KE PENTAS

Istana Budaya, Kuala Lumpur, 21 – 31 Mei 2003


Fenomena seseorang yang terlibat di dalam dunia pengarahannya melebarkan bakat kepada seni pengarahannya pentas tidaklah menjadi suatu keanehan di Malaysia. Nama-nama seperti U Wei Hj. Shaari, Aziz M. Osman, Dato' Jins Shamsudin dan kini Dr. Anuar Nur Arai telah memberikan kesinambungan fenomena tersebut. *Ronggeng Rokiah* merupakan karya dan arahan pertama oleh Dr. Anuar Nur Arai yang telah dipentaskan di Istana Budaya pada 21 hingga 31 Mei 2003. Ketokohan beliau di dalam dunia penulisan terbukti apabila telah menerima pelbagai anugerah anjuran GAPENA dan Dewan Bahasa dan Pustaka antaranya *Tok Selampit* dan *Vakum*. Selain itu, karya-karya beliau turut ditayangkan di televisyen antaranya drama *Din dan Miyoto*, *Balai di Hujung Sawah* dan *Seorang Tua di Sungai Lembing*. *Johnny Bikin Filem* merupakan filem arahan pertama beliau yang diterbitkan oleh Universiti Malaya pada tahun 1992.

Berbekalkan ketokohan beliau sebagai tokoh akademik serta dilengkapi dengan kepakaran di dalam dunia penulisan naskhah lakon pentas, naskhah lakon layar dan pengkritik karya sastera telah disepadukan untuk mengangkat karyanya sendiri ke pentas di dalam *Ronggeng Rokiah*. Menonton *Ronggeng Rokiah* sebuah *period play* berlangsung selama tiga jam lima belas minit berlatarkan tahun 1950-an mengingatkan kembali kepada drama-drama yang telah dipentaskan sebelum ini antaranya seperti *Mencari Juita*, *Lantai T. Pinkie* dan *Belum Selesai* sehingga ia boleh dianggap sebagai trend teater Melayu sejak awal tahun 1990-an. Berunsurkan teater muzikal ala-Barat menguasai di dalam rentak dan tari tango dapat sedikit sebanyak mengimbau kembali Teater Muzikal Melayu *Uda dan Dara* yang berjiwa Melayu kepada peminat teater tanah air. Berlatarkan aksi di kamar tidur, kabaret dan warung menjelaskan bayangan lampau masyarakat Melayu meniti di atas arus budaya Inggeris yang telah menjajah mereka. Berpuluh-puluh batang rokok yang dihisap serta puntung rokok yang dibuang, menggambarkan keadaan masyarakat yang hidup di dalam tekanan sosial. Bayangan dan cahaya yang samar di sepanjang persembahan bersama duka lara primadona kabaret yang berperanan melemahkan ramai kaum lelaki tidak mengira darjat serta penderitaan batinnya menjadi subjek utama telah mengheret penonton berbisik sesama mereka seolah-olah mem Manafortasikan keluhan kesabaran di dalam penantian menunggu saat *curtain call*. Memang ramai penonton yang datang yang inginkan hiburan daripada persembahan ini tidak akan tertunai. Untuk memenuhi cita rasa penonton tidak

akan dapat ditunaikan sepenuhnya kerana pengaruh bentuk-bentuk melodrama telah begitu sebatu di dalam jiwa masyarakat Malaysia. Namun pengarah seolah-olah telah faham kebarangkalian berlaku persepsi negatif penonton. Persediaan telah dilakukan untuk penonton supaya bersedia menonton teater beliau dengan membeli serta membaca kandungan buku program yang bernilai RM10.00. Memperkatakan tentang maksud filem noir dapatlah sedikit sebanyak penonton bersedia menonton *Ronggeng Rokiah* dan sejauh mana pengarah dapat merealisasikan matlamat pengarahannya.

Filem noir atau *black film* bukanlah suatu genre, tetapi suatu gaya, *mood* dan *tona* sesebuah filem, di sebalik itu menonjolkan tentang unsur-unsur jenayah di dalam sebuah metafora yang menggambarkan gejala kejahatan di dalam sesebuah masyarakat dengan menyembunyikan konflik moral (Tim Dirks, <http://www.filmsite.org/filmnoir.html>). Terdapat ciri-ciri utama yang tetap di dalam filem noir terutama dari sudut latar masa sering berlaku pada waktu malam dan latar tempat di sebuah pinggiran kota ataupun di dalam kelab-kelab hiburan. Sementara dari sudut watak membawa perwatakan yang keras, sinikal dan juga kecewa. Meletakkan wanita sebagai satu daya tarikan yang dalamannya kecewa dan mencari jalan keluar daripada kejahatan. Dari sudut tema dan persoalan, jenayah menjadi fokus utama yang mengetepikan moral. Di samping itu, ciri-ciri filem noir diperkukuhkan lagi penguasaannya oleh Dr. Anuar Nur Arai dengan memberikan nafas cerita melankolik dan berakhir dengan kematian (<http://www.german-way.com/noir.html>). Hampir memenuhi ciri-ciri filem noir ini dapat memperlihatkan *Ronggeng Rokiah* seolah-olah bukan sebuah teater tetapi sebagai sebuah persembahan filem.

Latar yang suram dan bayangan pelakon di dalam filem noir telah dijelmakan oleh Dr. Anuar Nor Arai hampir keseluruhan adegan bermula daripada adegan bayangan Rokiah di sebalik tirai sedang menukar pakaian. Imej bayangan terus mendominasi setiap aksi, berlaku di warung mamak bayangan terpancar di kabaret, berlaku di kabaret bayangan terpancar di kamar Rokiah dan berlaku di kamar Rokiah terpancar di kabaret. Hal ini merupakan sesuatu yang ada di dalam filem noir, namun bayangan pelakon di dalam filem biasanya hanya dilihat pada tempat berlakunya aksi berbanding di dalam *Ronggeng Rokiah* berkemungkinan dijadikan sebagai suatu simbol aksi dan situasi yang berlaku tersebut berulang kembali di tiga latar tempat yang dinyatakan di atas. Konsep bayang tersebut digunakan juga oleh pengarah menggunakan kelir seperti yang sering didapati di dalam teater Melayu di awal tahun 1970-an. Begitu juga dengan bayang tarian naga kemudiannya dapat menembusi kelir. Situasi ini dilaksanakan dengan jelas untuk menimbulkan kesan kekaguman serta sebagai suatu keberlakuan gambaran tentang keadaan masyarakat yang tertekan dan penguasaan dan penaklukan masyarakat Cina kepada masyarakat Melayu yang



Poster
Ronggeng Rokiah



Babak kabaret

alpa. Namun, amat menyedihkan sekali dengan kemudahan Istana Budaya yang canggih mementaskan karya bertaraf dunia, kelir yang digunakan memperlihatkan tidak sempurna dari segi struktur dan pelakon yang di belakang nampak jelas ke penonton tidak dapat berlindung di balik kelir.

Perspektif di dalam filem adalah lebih mudah dapat disampaikan secara langsung kepada penonton, namun apabila dipindahkan kepada teater, penonton tidak dapat menikmati sepenuhnya unsur-unsur visual tersebut bagi menghasilkan maksud yang tersirat kerana kewujudan ruang yang luas, iaitu penonton pada suatu masa akan melihat pelakon, latar tempat, pelakon-pelakon pembantu dan suasana secara serentak di sebuah pentas yang luas. Ikatan yang mengongkong filem noir yang digunakan di dalam teater oleh Dr. Anuar Nor Arai telah mewujudkan gangguan-gangguan visual hingga sukar bagi penonton untuk mentafsirkan transisi adegan realiti dan *stylize*. Antara adegan-adegan yang dimaksudkan ialah di Warung Mamak, Kamar Tidur dan *Happy World Cabaret* membabitkan Rokiah dan watak-watak lelaki yang ingin memilikinya seperti Sidek Bopeng, Osman Players dan Johnny, sewaktu berdialog kemudian bertukar kepada gerak *stylize* dengan cara menari tango seolah-olah kewujudan suasana tersebut adalah sama sahaja, begitu juga sewaktu kemasukan adegan motosikal Norton dan kereta. Tidak ada diletakkan suatu tanda yang mewujudkan transisi tersebut. Dengan kemudahan orkestra yang berada di dalam pit dengan tatacahaya yang canggih tidak digunakan sepenuhnya sebagai membantu menjadikan gerakan *stylize* itu lebih menarik dan meyakinkan. Kewujudan perkara ini telah menjadikan suatu persoalan kerana ia berlaku hampir pada setiap adegan sehingga *Ronggeng Rokiah* boleh ditakrifkan sebagai sebuah teater muzikal.

Sekalung tahniah kepada pengarah juga kerana memberikan sesuatu nafas baru di dalam teater Melayu tempatan untuk diangkat ke arena antarabangsa melalui percubaannya di dalam menggunakan filem noir untuk dialihkan kepada teater noir. Penumpuannya kepada segi aplikasi noir menyebabkan perkara-perkara artistik yang lain diabaikan. Antaranya yang ketara pemilihan skema warna busana, dengan warna kulit pelakon serta warna latar hias dan pancaran cahaya amber hampir menenggelamkan imej pelakon. Selain itu, pelakon-pelakon yang menarikan tango agak kurang latihan di dalam tarian yang disampaikan. Persembahan secara keseluruhan adalah baik dengan mutu lakonan dan kewibawaan pelakon kerana melakonkan lakonan *stylize* di samping gerakan tarian bukanlah sesuatu yang mudah. Pelakon tersebut semestinya mempunyai kebolehan dari segi tarian yang baik dan kefahaman untuk ekspresi gerak yang meyakinkan. Sekalung tahniah kepada Safura, Shahronizam Nor, Badrul Hisham Moh. Noh dan Shaari Shafie kerana berjaya memikul tanggungjawab dengan aksi yang meyakinkan. *Ronggeng Rokiah* patut diberikan pujian kerana

mempersalahkan suatu cerita yang biasa dan mudah difahami tetapi sukar untuk dilakonan, kerana pelakon yang membawa watak tersebut selain bakat lakon mereka juga perlukan bakat tarian. Kelonggaran di dalam *Ronggeng Rokiah* ini berkemungkinan disebabkan waktu persediaan yang terhad sehingga pengarah tidak dapat meneroka lebih jauh bagi memenuhi matlamatnya. Ini patut dijadikan suatu iktibar kepada Istana Budaya supaya di dalam pemilihan teater untuk dipersalahkan harus diberikan waktu yang panjang, latihan sebelum dipentaskan supaya segala persiapan dan persahabatan dapat dilaksanakan dengan rapi.

Halimi bin Mohamed Noh
Universiti Sains Malaysia